



Seminar Manuskrip Islam

1-2 Mac, 2004
Pusat Persidangan Antarabangsa
Negara Brunei Darussalam

Tema
**MANUSKRIP ISLAM:
KEPENTINGAN DAN PENYEBARAN**

*Sheikh Nuruddin Al-Raniri Dan Kitabnya
Sirat Al-Mustaqim
(Satu Tinjauan Awal)*

Oleh:
Prof. Madya Dr. Hj Mat Saad Bin Abdul Rahman

Anjuran:
**Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam**

Kelolaan:
**Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri**

Tempat:
**Dewan Persidangan Utama
Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas
Negara Brunei Darussalam.**

Pada:

**SHEIKH NURUDDIN AL-RANIRI
DAN KITABNYA: SIRAT AL-MUSTAQIM
(Satu Tinjauan Awal)**

disediakan oleh

Prof. Madya Dr. Haji Mat Saad Abdul Rahman

Jabatan Syariah, IPISHOAS, UBD.

Pendahuluan :

Pada peringkat awal perkembangan pemikiran Islam, terutamanya mulai dari abad kedua Hijrah, kebangkitan ulama' untuk berkreatif adalah didorong oleh suasana persekitaran masa itu. Disamping itu usaha mereka mendapat perhatian, dorongan dan sokongan padu para umara' zaman mereka. Dengan erti pemedulian dan minat yang ditunjukkan oleh para umara' menerusi pelbagai kemudahan hidup yang diberikan kepada para ulama' menyebabkan mereka selesa untuk berkreatif. Selain dari itu para umara' juga telah memberikan kepercayaan yang tinggi kepada para ulama' apabila beberapa jawatan penting negara seperti kadi, mufti dan menteri diserahkan kepada mereka untuk dikendalikan (Dr Mahmud Muhammad Al-Tantawi, h. 171 dan Dr. Ahmad Nahrawi Abdussalam, h. 164-165).

Pertanda lain yang nyata ialah dengan kebijaksanaan kepimpinan umara' masa itu, perpustakaan-perpustakaan besar telah dibina untuk menyimpan hasil penulisan mereka sebagai bahan bacaan dan kajian generasi semasa dan selepasnya. Sebagai contohnya; Perpustakaan *Khizanat Al-Hikmah* yang terdapat di kota Baghdad (pembinaannya berlaku pada zaman khalifah Harun Al-Rashid, 170-193H./786-809M.) yang kemudiannya diperbesarkan menjadi *Dar Al-Hikmah* (pada zaman khalifah Al-Ma'mun, 198-218H./813-833M.), *Perpustakaan Dar Al-Hikmah* di Mesir (pembinaannya berlaku pada zaman Kerajaan Fatimiyah, 395H./1005M.) dan *Perpustakaan Masjid Bait Al-Rahman* di Bandar Aceh (pembinaannya pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda

Mahkota Alam, 1607-1636M.) dan lain-lain (Mahayudin Haji Yahaya, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, 1 :200)

Serentak dengan itu aktiviti ilmiah juga turut bersemarak dengan kemunculan pusat-pusat pengajian di serata pelusuk negara, seperti rangkaian *Al-Madrasah Al-Nizamiyyah* di kota Baghdad, Naisabur, Kufah dan Basrah. Kemunculan institusi-institusi pengajian tersebut membolehkan para ilmuan dan ulama' melakukan kegiatan akademik mereka disamping menulis dan berkarya. Aktiviti-aktiviti ilmiah bukan sahaja terhad di institusi-institusi pengajian, malah istana para pemerintah, masjid-masjid dan rumah orang-orang kenamaan juga menjadi tempat diskusi dan perbincangan ilmiah. Sebagai contoh, istana Khalifah Harun al-Rashid yang pernah menjadi tempat perbincangan di antara Imam al-Shafi'i dan Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani (Dr. Ahmad Nahrawi Abdussalam, h. 170 dan Prof. Madya Dr. Mat Saad, h. 5).

Di Nusantara pula, kita dapati Sultan Malik Al-Zahir (1326-1349M.) pemerintah negara Samudra-Pasai bermazhab Shafi'i yang dianggap oleh Ibn Batutah sebagai paling alim dan warak yang pernah ditemuinya, sangat menghormati para ulama' dan baginda dikatakan sering dikelilingi mereka (Dr. Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Islam*, h. 582). Dengan itu, pada anggapan saya, dapatlah kita andaikan bahawa baginda sudah tentu menjadikan istananya sebagai tempat pertemuan dan perbincangan ulama' zamannya yang meliputi pelbagai masalah perundangan dan lainnya mengikut aliran Mazhab Shafi'i yang dianutinya.

Inilah di antara faktor-faktor utama yang mempercepatkan kemajuan bidang ilmu dan kesarjanaan di kalangan sesuatu ummah dan sumbangan mereka (umara' dan ulama') sesungguhnya berjaya mencetuskan perubahan pemikiran dan menjadi asas kepada kemajuan ummah berikutnya.

Pada era globalisasi ini, kita dapat melihat perkembangan yang hampir sama telah dan sedang berlaku di Negara Brunei Darussalam apabila sebuah galeri indah yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan kawalan terkini telah dibina. Sikap

pemeduliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan minat baginda terhadap warisan lampau, khususnya manuskrip dan mushaf, disamping terdapat usaha-usaha baginda dalam pengembangan ilmu masa kini menerusi Kementerian Pendidikan negara ini, adalah pertanda baik ke arah kecemerlangan ilmu pengetahuan dan kelahiran tamadun Islam moden di negara ini.

Sumbangan material baginda yang tidak ternilai itu, sesungguhnya akan memberi faedah kepada ilmuan Negara ini sekiranya kemudahan tersebut diguna dan dimanfaatkan semaksimum mungkin.

Pada anggapan saya, mungkin tidak banyak yang mengetahui bahawa galeri yang saya sebutkan itu menyimpan ratusan naskhah manuskrip Islam dalam pelbagai disiplin ilmu yang dihasilkan di dalam tiga bahasa, iaitu bahasa Melayu, Arab dan Parsi.

Manuskrip yang dihasilkan di dalam bahasa Melayu berjumlah sebanyak 41 buah meliputi beberapa bidang ilmu dan disiplin, seperti fiqh (perundangan), akidah, akhlak, tasauf, tajwid, faraid, sirah dan perubatan. Selain dari itu terdapat juga beberapa buah manuskrip yang mengandungi doa, adab berzikir dan ramalan.

Manuskrip di dalam bahasa Arab pula berjumlah sebanyak 594 buah kesemuanya yang meliputi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, seperti fiqh (perundangan), usul al-fiqh, koleksi fatwa, tafsir, hadis, akidah, akhlak dan ilmu kalam, tasawuf, qiraat, tajwid, mantiq/logika, falsafah, perubatan, matematik, sejarah/sirah, sastera dan bahasa. Selebihnya terdapat beberapa buah manuskrip yang mengandungi kasidah, zikir dan doa. Di antara kesemua disiplin tersebut, perundangan dan usul al-fiqh mempunyai bilangan manuskrip yang terbanyak.

Selain daripada itu ialah manuskrip di dalam bahasa Parsi yang berjumlah sebanyak 212 buah, meliputi bidang-bidang ilmu tertentu, dan sehingga ke saat ini, belum lagi dapat dikenalpasti.

Jadi kesemua manuskrip kitab/buku milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia kesemuanya berjumlah sebanyak 847 naskhah. Ini tidak termasuk sebilangan besar manuskrip mushaf dalam pelbagai bentuk, ukuran dan tempat asalnya.

Melihat kepada koleksi manuskrip tersebut, kita dapat membuat satu rumusan bahawa apa yang telah dilakukan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas sifatnya sebagai ketua negara dan pemerintah tertinggi adalah suatu usaha ke arah memartabatkan para ulama' dan karya mereka pada suatu kedudukan yang wajar dan selaras dengan maksud sebuah Hadis: *Para ulama' adalah pewaris para Anbia'*, dan ia juga dari sudut yang lain akan dapat menyemarakkan obor ilmu dan tamadun pemikiran ulama'. Usaha-usaha seperti ini sesungguhnya satu pengorbanan besar Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk ilmu, ulama', Islam dan negara yang membanggakan. Inilah tanda-tanda keistimewaan yang boleh kita dapati di negara ini.

Di antara pelbagai manuskrip yang ditulis di dalam Bahasa Melayu dan yang terawal di dalam bidang perundangan Islam (ilmu fiqh) ialah sebuah kitab yang tidak asing lagi di rantau Asia ini dan dalam masyarakat yang bertutur bahasa Melayu, iaitu kitab *Sirat Al-Mustaqim*, hasil nukilan seorang sarjana Islam terkemuka berasal dari Ranir (Rander), Wilayah Gujerat, India yang pada suatu-masa pernah menjadi Mufti Kerajaan kepada kerajaan Islam Aceh di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Thani.

Dalam kertas ini, ada dua perkara yang akan saya sentuh secara sederhana; pertama tentang Al-Raniri, sebagai seorang ilmunan, penulis, mufti dan penentang ajaran *Wujudiyah* yang didakwaanya sesat dan bercanggah dengan amalan Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah di Negara Aceh. Kedua tentang beberapa faktor penting berkaitan dengan kitabnya *Sirat Al-Mustaqim*. Kemudian saya akhiri kertas ini dengan rumusan dan cadangan.

Latar belakang Sheikh Nuruddin Al-Raniri:

Walaupun sejarah hidup ulama' besar ini telah banyak ditulis oleh para sarjana Barat dan Timur, seperti P. Voorhoeve, G.W.J. Drewis, C.A.O. van Nieuwenhuijze, R.O. Winstedt, Syed Mohammab Naguib Al-Attas, Mohd. Noor bin Nghah, Abdul Rahman Al-Ahmadi, Ahmad Daudi M.A., R.H. Djajadiningrat, Tujimah dan lain-lain, namun maklumat lengkap tentang diri beliau, khususnya yang berkaitan dengan pendidikannya, guru-gurunya, murid-muridnya serta sebab-sebab beliau datang ke Aceh masih belum terjawab sepenuhnya (Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 35 dan Abdul Kadir Haji Muhammad, h. 22-23).

Nama lengkap beliau ialah **Sheikh Nuruddin bin `Ali bin Hasanji bin Muhammad Hamid Al-Raniri Al-Quraishi Al-Shafi`i**, seorang sarjana Islam terkenal yang berasal dari India, berketurunan Arab Quraish, dilahirkan di sebuah bandar bernama Ranir (Rander), tidak berapa jauh dari Gujerat, India pada tahun 1009H./1600M.

Beliau mendapat pendidikan awal di Ranir, tempat tumpah darahnya, setelah itu beliau menjelajah ke Tanah Arab, antaranya Hadramaut, Makkah dan Madinah. Semasa di Hadramaut, beliau sempat berguru dengan Abu Hafs Sayyid `Umar bin Abdullah bin Shaiban yang berasal dari daerah Tan'im (Tarim), Arab Selatan, yang merupakan pusat pengajian Islam pada waktu itu (Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 36).

Menyedari akan kepentingan Bahasa Melayu pada waktu itu sebagai bahasa *lingua franca* di Kepulauan Melayu, beliau telah mempersiapkan diri dengan bahasa itu sebelum beliau datang ke rantau Asia Tenggara. Dikatakan bahawa beliau telah mempelajari bahasa itu daripada para pedagang yang datang ke kawasannya, kerana Ranir adalah sebuah kota pelabuhan yang dikunjungi dan didiami oleh berbagai bangsa pada abad ke 16 Masehi, antara lain ialah bangsa Mesir, Turki, Arab, Parsi, Melayu, disamping bangsa India sendiri. Selain daripada itu, ada juga pendapat yang mengatakan bahawa ibunya berketurunan Melayu (Syed Muhammad Naguib al-Attas, h. 12, Dr. T. Iskandar, h. 3 dan Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 37).

Usaha memantapkan bahasa Melayunya diteruskan lagi apabila beliau berada di kota suci Makkah (1030H.) kerana menunaikan rukun Islam kelima, beliau dikatakan telah menambah ilmu bahasanya itu daripada para pelajar Melayu yang sedang menuntut di kota itu (Dr. T. Iskandar, h. 2).

Kedatangan Al-Raniri ke Alam Melayu:

Sehingga kini belum terjawab persoalan tentang motif kedatangan beliau ke Alam Melayu, khususnya ke negara Aceh. Apa yang dapat kita katakan setakat ini ialah pertamanya, sebagai menurut jejak para ulama' pada masa itu yang sering merantau kerana berdakwah atau berniaga atau kerana kedua-duanya sekali ke merata-rata tempat. Hal yang sama telah dilakukan oleh bapa saudaranya Sheikh Muhammad Jailani bin Hasan bin Muhammad Hamid al-Raniri yang tiba di Aceh pada tahun 1588 Masehi, lima puluh tahun sebelum beliau menjadi Mufti negara itu pada tahun 1047H./1637M.

Sebab yang lain, mungkin beliau merasakan terpanggil untuk membanteras ajaran *Wujudiyah* yang bertapak di negara Aceh pada masa itu kerana ia bertentangan dengan fahaman beliau yang mengikuti tarikat *Al-Rifa'iyah* dalam aliran **Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah**.

Mungkin juga ia bermotifkan kekuasaan, iaitu niat beliau untuk turut serta memberi sumbangan dalam pemerintahan Aceh pada masa itu, kerana apabila beliau tidak dilayani sebagai sewajarnya oleh pihak istana pada kali pertama beliau sampai ke Aceh (1040H./1630M), beliau terus beredar ke Tanah Melayu. Keadaan ini berlaku kerana ketika itu kekuasaan agama di negara tersebut berada di tangan Sheikh Shamsuddin Al-Sumatrai (Mufti Kerajaan dan penganjur ajaran *Wujudiyah*) yang disokong oleh pihak istana. Sebagai seorang ulama' dan da'i yang inginkan kejayaan kepada misinya tentulah beliau lebih cenderung untuk menempah tempat terlebih dahulu sebelum memulakan apa-apa langkah seterusnya. Fakta ini ada kebenarannya, jika kita melihat kepada kepulangannya secara mengejut ke tempat asalnya Ranir, apabila beliau tidak lagi berpengaruh di istana Aceh selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani pada tahun 1050H. (Dr. T. Iskandar, h. 3 dan Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 39).

Dalam perjalanannya ke Aceh, beliau telah singgah ke Tanah Melayu buat kali pertamanya pada tahun 1028H/1618M. Di antara negeri yang dilawatinya ketika itu termasuklah Melaka dan Pahang. Di Pahang, beliau telah menetap dalam jangka masa yang agak lama. Kesempatan ketika berada di negeri Pahang tidak dilepaskannya bagi memantapkan penguasaan bahasa Melayunya dan mengenali beberapa buah hasil kesusasteraan Melayu yang ada pada masa itu, seperti *Hikayat Iskandar Dzu'l-Karnain*, *Taju's Salatin* dan *Sejarah Melayu*. Pada masa yang sama, beliau juga telah berjaya menulis tiga buah kitab, iaitu *Durrat al-Fara'id*, *Hidayat al-Habib* dan kitab *Sirat al-Mustaqim* (Dr. T. Iskandar, h. 3).

Semasa ini juga beliau telah berpeluang menjalinkan hubungan dengan pihak kerabat kesultanan Pahang pada masa itu, terutama sekali dengan putera Sultan Abdul Kadir Alau'd-Din Shah yang bernama Sultan Ahmad, iaitu ayahanda kepada Sultan Bongsu. Apabila Sultan Iskandar Muda menawan negeri Pahang (1618M), Sultan Ahmad dan puteranya Sultan Bongsu (menurut Dr. Mahayudin: Raja Moghul) dibawa pulang ke Aceh yang kemudiannya dikahwinkan dengan puterinya Safiatuddin dan diberi gelaran Sultan Hussain Shah. Apabila Sultan Iskandar Muda mangkat pada 1046H/1636M., menantunya Sultan Hussain Shah (dahulunya Sultan Bongsu/Raja Moghol) ditabal menjadi Sultan Aceh dengan gelaran Sultan Iskandar Thani (Dr. T. Iskandar, h. 12 dan Mahayudin Hj. Yahaya, h. 609).

Pada tahun 1040H/1630M. beliau telah melakukan lawatan pertamanya ke Aceh ketika negara itu di bawah pemerintahan Sultan Iskandar Muda (m. 1045H.) Tetapi beliau tidak mendapat sambutan dan penerimaan yang layak dari pihak istana, di samping pertentangan faham di antara beliau dengan Sheikh Shamsuddin al-Sumatrani (guru, mufti dan penasihat kepada Sultan Iskandar Muda) menyebabkan beliau tidak terus menetap di negara itu dan terpaksa kembali semula ke Tanah Melayu dan bermastautin sementara di Pahang (Dr. T. Iskandar, h. 3. Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 37 dan Abdul Kadir Haji Muhammad, h. 27).

Beliau dikatakan telah pulang ke India selepas beberapa waktu menetap di Tanah Melayu (Pahang) sekembalinya dari lawatan pertamanya ke Aceh (1040H./1630M.), kemudian beliau datang semula untuk kali kedua ke Tanah Melayu, dipercayai, sebelum tahun 1045H./1635M. Tarikh tepat mengenai kedua-dua perjalanan beliau ini masih belum diketahui dengan jelas (Abdul Kadir Haji Muhammad, h. 27).

Sesudah itu, pada 6 Muharram 1047H./31 Mei 1637M., barulah beliau berangkat semula ke Aceh ketika negara itu diperintah oleh Sultan Iskandar Thani (1045-1050H.) yang mengambil alih kekuasaan negara selepas kemangkatan bapa mentuanya Sultan Iskandar Muda pada tahun 1045H. Oleh kerana hubungan baik di antara beliau dengan Sultan Iskandar Thani yang berasal dari Pahang itu, maka beliau telah diberi kedudukan di dalam istana Kerajaan Aceh dan dilantik menjadi Mufti Kerajaan (dengan gelaran *Qadi Al-Malik Al'Adil*) dan pembantu kanan baginda dalam usaha membasmi golongan *Wujudiyah*. Satu kedudukan yang dahulunya hanya dikuasai oleh kumpulan pimpinan Sheikh Shamsuddin Al-Sumatrani (Dr.T.Iskandar,h.3. dan Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 38, 39).

Dengan terlantiknya Sheikh Nuruddin Al-Raniri sebagai Mufti Kerajaan, secara tidak langsungnya Sheikh Maldin/Maidin (nama sebenarnya ialah Jamaluddin), Mufti Kerajaan sebelumnya dan tokoh terakhir dari golongan *Wujudiyah*, diturunkan dari jawatannya dan dihukum bunuh bersama-sama sebilangan murid Sheikh Hamzah Fansuri dan Sheikh Shamsuddin Al-Sumatrani yang lainnya di hadapan Masjid Baiturrahman (Takeshi Ito, *Why did Leave Atjeh in 1054 A.H.*, BKI 134, 1978, hal 487-491).

Peristiwa tersebut telah menimbulkan kebingungan masyarakat Islam Aceh kerana tradisi mereka yang sangat menghormati ulama' melebihi penghormatan kepada kedua orang tua kerana ulama' dianggap sebagai pewaris para Nabi. Masyarakat berada di dalam keadaan dilema apabila wujud peristiwa seorang *Qadi Al-Malik Al-'Adil* sanggup mengkafirkan *Qadi Al-Malik Al-'Adil* yang lain dan menjatuhkan hukuman bunuh terhadap lawannya. Ini merupakan peristiwa yang belum pernah terjadi dalam sejarah Alam Melayu.

Setelah tujuh tahun beliau bermukim di Aceh sebagai ulama', Mufti Kerajaan, penulis serta penentang keras kepada ajaran *Wujudiyah*, secara tiba-tiba, pada tahun 1054H/1644M., beliau berangkat kembali ke Ranir, India, tempat tumpah darahnya dan menetap di sana sehinggalah ke saat wafatnya pada 22 Zulhijjah 1069H. bersamaan 21 Sept. 1658M. (Dr. T. Iskandar, h. 10).

Terdapat beberapa tanggapan tentang sebab kepulangannya yang mengejutkan itu, di antaranya ialah kehadiran Saifurrijal, seorang ulama' *Wujudiyah* baru yang baru saja pulang dari Surat, India. Beliau berasal dari Minangkabau, pernah tinggal di Aceh dan berguru kepada Sheikh Maldin/Maidin (Jamaluddin), Mufti terakhir daripada kalangan ulama' *Wujudiyah* sebelum Al-Raniri.

Setelah Saifurrijal berada di Aceh, diskusi-diskusi keagamaan muncul kembali dalam bentuk yang lebih serius dan tegang di mana dua tokoh ulama' besar yang mewakili dua aliran yang bermusuhan turut terlibat dan berhadapan secara langsung; Sheikh Nuruddin Al-Raniri (Mufti dan penentang ajaran *Wujudiyah*) di satu pihak, dan Saifurrijal berada di satu pihak yang lain mempertahankan ajaran *Wujudiyah*. Dalam rentetan diskusi itu, Sheikh Nuruddin Al-Raniri mengalami kekalahan. Hal ini tentunya menyebabkan beliau menderita malu. Selain dari itu beliau dapat mencium kecenderungan para pembesar istana yang memihak kepada Saifurrijal. Inilah sebab yang memaksa beliau kembali ke India, dan membiarkan Jabatan Mufti yang dipegangnya selama ini kembali semula kepada ulama' *Wujudiyah* (Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 45-46).

Penulisan Beliau:

Sheikh Nuruddin Al-Raniri adalah seorang ilmuwan yang kuat membaca dan cukup produktif. Ini terbukti dengan sedikit penelitian kepada hasil penulisannya; didapati beliau sering merujuk kepada sejumlah kitab yang menjadi sandaran kepada pemikiran dan pendiriannya di dalam sesuatu masalah yang ingin dipertahankannya atau yang dapat menunjukkan kelemahan pendapat dan sikap lawannya.

Hasil penulisan beliau meliputi beberapa bidang ilmu dianggarkan berjumlah, menurut satu pendapat, sebanyak 27 buah, tetapi menurut pendapat yang lain ia berjumlah sebanyak 29 buah. Mahayudin Haji Yahaya (Prof. Dr.) berpendapat, ia berjumlah sebanyak 30 buah (Dr.T.Iskandar, h.6, Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Mamusia*, h. 47-57, Abdul Kadir Haji Muhammad, h. 26 dan Mahayudin Haji Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, 1:47).

Jika diperhatikan kandungan tiap satunya, kita dapati sejumlah penulisannya itu dihasilkan atas permintaan Sultan atau Sultanahnya dan ia ditumpukan ke arah menjelaskan kesesatan ajaran *Wujudiyah* dan memerangi para pengikutnya. Sehingga di dalam polemiknya, terbit fatwa daripada beliau yang mengkafirkan para pengikut ajaran tersebut dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mereka yang tidak mahu bertaubat.

Berikut adalah senarai penulisan beliau dalam pelbagai bidang ilmu:

1. *Sirat al-Mustaqim*. Kitab ini dihasilkan di dalam Bahasa Melayu pada tahun 1044H. ketika beliau berada di Tanah Melayu dan ia menjadi sebahagian daripada kandungan kertas kerja ini (sila rujuk ulasan berkaitan dengannya di bahagian akhir kertas ini). Naskhahnya tersimpan di Muzium Banda Aceh, Pustaka Tanoh Bee, Aceh Besar, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Galeri Manuskrip Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, di bangunan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

2. *Durrat al-Fara'id bi Sharh al-'Aqa'id* kitab berbahasa Melayu ini mengandungi ulasan tentang akidah, ditulis sebelum tahun 1045H/1635M. Kitab ini merupakan saduran dari kitab *Sharh Al-'Aqa'id Al-Nasafiyah* karangan Imam Sa'duddin Al-Taftazani huraian kepada matan *Mukhtasar Al-'Aqa'id* tulisan Imam Najmuddin 'Umar Al-Nasafi. Sehingga ke waktu ini, kitab ini masih di dalam bentuk manuskrip asalnya dan tersimpan di Pustaka Tanoh Bee, Aceh Besar.

3. *Hidayat Al-Habib Fi Al-Tarhib Wa Al-Tarhib* . kitab ini ditulis dalam Bahasa Arab dan Melayu pada tahun 1045H/1635M. mengandungi 831 buah Hadis. Sekarang kitab ini dicetak dengan tajuk *Al-Fawaid Al-Badiyyah Fi Al-Ahadith Al-Nabawiyah* bersama-

Hasil penulisan beliau meliputi beberapa bidang ilmu dianggarkan berjumlah, menurut satu pendapat, sebanyak 27 buah, tetapi menurut pendapat yang lain ia berjumlah sebanyak 29 buah. Mahayudin Haji Yahaya (Prof. Dr.) berpendapat, ia berjumlah sebanyak 30 buah (Dr.T.Iskandar, h.6, Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia*, h. 47-57, Abdul Kadir Haji Muhammad, h. 26 dan Mahayudin Haji Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, 1:47).

Jika diperhatikan kandungan tiap satunya, kita dapati sejumlah penulisannya itu dihasilkan atas permintaan Sultan atau Sultanahnya dan ia ditumpukan ke arah menjelaskan kesesatan ajaran *Wujudiyah* dan memerangi para pengikutnya. Sehingga di dalam polemiknya, terbit fatwa daripada beliau yang mengkafirkan para pengikut ajaran tersebut dan menjatuhkan hukuman bunuh ke atas mereka yang tidak mahu bertaubat.

Berikut adalah senarai penulisan beliau dalam pelbagai bidang ilmu:

1. *Sirat al-Mustaqim*. Kitab ini dihasilkan di dalam Bahasa Melayu pada tahun 1044H. ketika beliau berada di Tanah Melayu dan ia menjadi sebahagian daripada kandungan kertas kerja ini (sila rujuk ulasan berkaitan dengannya di bahagian akhir kertas ini). Naskhahnya tersimpan di Muzium Banda Aceh, Pustaka Tanoh Bee, Aceh Besar, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur dan Galeri Manuskrip Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia, di bangunan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

2. *Durrat al-Fara'id bi Sharh al-'Aqa'id* kitab berbahasa Melayu ini mengandungi ulasan tentang akidah, ditulis sebelum tahun 1045H/1635M. Kitab ini merupakan saduran dari kitab *Sharh Al-'Aqa'id Al-Nasafiyah* karangan Imam Sa'duddin Al-Taftazani huraian kepada matan *Mukhtasar Al-'Aqa'id* tulisan Imam Najmuddin 'Umar Al-Nasafi. Sehingga ke waktu ini, kitab ini masih di dalam bentuk manuskrip asalnya dan tersimpan di Pustaka Tanoh Bee, Aceh Besar.

3. *Hidayat Al-Habib Fi Al-Tarhib Wa Al-Tarhib* . kitab ini ditulis dalam Bahasa Arab dan Melayu pada tahun 1045H/1635M. mengandungi 831 buah Hadis. Sekarang kitab ini dicetak dengan tajuk *Al-Fawaid Al-Badiyyah Fi Al-Ahadith Al-Nabawiyah* bersama-

sama kitab *Hashiyah Jam'î Al-Fawa'id* karangan Daud Fatani (Makkah, 1311H. dan Singapura). Menurut Dr. T. Iskandar, kedua-dua buah kitab ini (bilangan 2 dan 3) ditulis di Tanah Melayu dan dibawa ke Aceh pada zaman Sultan Iskandar Thani (Tujimah, no.3).

4. *Bustan Al-Salatin Fi Dhikri Al-Awwalin Wa Al-Akhirin*. Ia merupakan sebuah kitab sejarah terbesar tulisan Sheikh Nuruddin yang pernah dihasilkan dalam Bahasa Melayu. Ia ditulis sesudah tujuh bulan beliau berada di Aceh, iaitu pada tanggal 17 Syawal 1047H./1637M. sebagai memenuhi permintaan Sultan Iskandar Thani (Tujimah, no. 4).

5. *Nubdhah Fi Da'wa Al-Zil Ma'a Sahibihi*. Kitab ini ditulis di dalam bahasa Arab tanpa menyebut tarikh penulisannya. Kandungan kitab ini, menyentuh tentang kesesatan ajaran *Wujudiyah* yang dipaparkan dalam bentuk soal jawab. Kitab ini masih di dalam bentuk manuskrip. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil, Banda Aceh.

6. *Lata'if Al-Asrar*. Kitab ini menghuraikan tentang Tasawuf. Naskahnya masih tersimpan di Pustaka Tanoh Abee (Tujimah, no. 6).

7. *Asrar Al-Insan Fi Ma'rifat Al-Ruh Wa Al-Rahman*. Kitab ini merupakan terjemahan dari Bahasa Arab ke Bahasa Melayu yang dilakukan untuk memenuhi permintaan Sultan Iskandar Thani dan diselesaikan pada zaman Sultanah Safiatuddin. Kandungannya tentang manusia, terutama tentang hal ehwal roh, sifat dan hakikatnya serta hubungan manusia dengan Tuhan. Ia pernah diterbitkan dalam sebuah disetasi oleh Tujimah pada tahun 1961, naskahnya terdapat di Pustaka Tanoh Abee (Tujimah, no. 7).

8. *Tibyan Fi Ma'rifat Al-Adyan*. Kitab ini ditulis dalam bahasa Melayu untuk memenuhi permintaan Sultanah Safiatuddin. Di antara kandungannya ialah perdebatan yang berlaku dengan pengikut ajaran *Wujudiyah* di hadapan Sultan Iskandar Thani di mana ia telah menunjukkan kesesatan ajaran tersebut sehingga ulama' telah mengeluarkan fatwa bahawa mereka adalah orang-orang yang harus dibunuh. Naskah kitab ini tersimpan di pustaka peribadi Tgk. Aman Jakfar, Aceh Tengah (Tujimah, no. 8).

9. *Akhbar Al-Akhirat Fi Ahwal Al-Qiyamah*. Kitab ini ditulis atas permintaan Sultanah Safiatuddin. Ia terdiri dari tujuh bab yang menerangkan tentang Nur Muhammad, kejadian Nabi Adam, peristiwa qiamat, syurga, neraka dan lain-lain. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tanah Abee (Tujimah, no. 9).

10. *Hill Al-Dhil*. Kitab ini ditulis di dalam Bahasa Melayu atas permintaan sahabatnya tanpa menyebut tahun penulisannya. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tgk. A. Jakfar (Tujimah, no. 10).

11. *Ma' Al-Hayat Li Ahli Al-Mamat*. Kitab ini ditulis untuk memenuhi permintaan Sultanah Safiatuddin dan dihasilkan di dalam Bahasa Melayu tanpa menyebut tarikh penulisannya. Isinya mengandungi sanggahan terhadap ajaran *Wujudiyah* berkaitan dengan kesatuan alam dan manusia dengan Tuhan, kekadiman jiwa manusia dan perbezaan syariat dan hakikat. Ia tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil (Tujimah, no. 11).

12. *Jawahir Al-'Ulum fi Kashf Al-Ma'lum*. Kitab ini ditulis di dalam Bahasa Melayu mengenai falsafah dan mistik, mula ditulis pada tahun 1502H./1642M., merupakan kitab terakhir yang ditulisnya di Aceh sebelum kepulangannya ke India, sempat diselesaikannya pada bab ke lima sahaja, tanpa penutupnya. Kemudian ia disempurnakan oleh seorang muridnya. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil (Tujimah, no 12).

13. *Ain Al-'Alam Qabl An Yukhlaq*. Kitab ini ditulis di dalam Bahasa Melayu tanpa namanya, begitu juga tanpa disebut tahun penulisannya. Namanya diberikan oleh Dr. Ahmad Daudi M.A., naskahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil (Tujimah, no. 14).

14. *Shifa' Al-Qulub*. Kitab dihasilkan dalam Bahasa Melayu, tahun penulisannya tidak disebutkan. Kandungannya berkaitan dengan *Kalimah Shahadah dan cara-cara berzikir kepada Allah*. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil (Tujimah, no. 15).

15. *Hujjat Al-Siddiq li Daf'i Al-Zindiq*. Kitab ini ditulis di dalam Bahasa Melayu atas permintaan sahabatnya tanpa menyebut tahun penulisannya. Isinya tentang akidah dan mazhab-mazhab mutakallimin, ahli sufi, ahli falsafah dan kaum *Wujudiyah*. Tujuannya untuk menunjukkan akan kesesatan golongan terakhir. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tanoh Abee dan Tgk. M. Junus Djamil (Tujimah, no. 16).

16. *Al-Fath Al-Mubin 'ala Al-Mulhidin*. Kitab setebal 298 halaman ini ditulis selepas beliau kembali ke India, selesai penulisannya pada 12 Rabi'ul Awal tahun 1068H./1657M. Kandungannya menyentuh peristiwa pembunuhan kaum *Wujudiyah* dan pembakaran kitab mereka di halaman masjid Baiturrahman serta dalil-dalil tentang kesesatan mereka. Naskahnya tersimpan di pustaka peribadi Dr. Ahmad Daudy M .A. (Tujimah, no. 17).

17. *Al-Lum'an fi Takfir man Qala bi Khalqi Al-Qur'an*. Kitab ini ditulis di dalam Bahasa Arab sebagai jawapan kepada pertanyaan yang datang daripada Sultan Banten, iaitu Abu Mufakhir Abdul Kadir Al-'Ali (m. 1640M.). Isinya mengandungi sanggahan terhadap ajaran Hamzah Fansuri bahawa al-Qur'an itu makhluk. Naskahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil (Tujimah, no. 21).

18. *Sawarim Al-Siddiq li Qat'i Al-Zindiq*. Kitab ini ditulis bagi tujuan menentang ajaran *Wujudiyah*. Naskahnya, setakat ini, belum dapat ditemui (Tujimah, no. 22).

19. *Rahiq Al-Muhmmadiyah fi Tariq Al-Sufiyah*. Kitab tentang tasauf ini adalah kitab terakhir beliau sebelum beliau meninggal dunia di India. Naskahnya, setakat ini, belum ditemui lagi (Tujimah, no. 23).

20. *Bad'u Khalqī Al-Samawat wa Al-Ard*. Kitab ini adalah petikan dari bab pertama kitab *Bustan Al-Salatin*. Ia ditulis dengan nama dan pengantar yang tersendiri dan sekarang dicetak pada halaman tepi kitab *Taj Al-Muluk* (lihat no. 4).

21. *Kaifiyyat Al-Solat*. Kitab ini adalah petikan dari kitab *Sirat Al-Mustaqim*, dan kerana pentingnya, ia diberikan tajuk yang tersendiri (Tujimah, no. 18).

22. *Hidayat Al-Iman bi Fadl Al-Mannan*. Kitab ini ditulis di dalam bahasa Melayu dan tidak disebut tahun penulisannya. Isinya menjelaskan tentang pengertian agama yang terdiri dari Iman, Islam, Makrifat dan Tauhid. Naskhahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil.

23. *'Alaqa al-Lah bi Al-'Alam*. Kitab ini adalah terjemahan dari bahasa Parsi ke bahasa Arab dari kitab yang ditulis oleh Syeikh Muhammad ibn Fadlillah al-Burhanfuri. Tahun terjemahan tidak disebut. Isinya tentang hubungan Allah dengan alam pada pandangan Ahli Sufi. Nama kitab ini diberikan oleh Dr. Ahmad Daudy kerana Sheikh Nuruddin tidak menyebut namanya. Naskhahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil.

24. *'Aqa'id Al-Sufiyyah Al-Muwahhidin min Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah*. Kitab ini ditulis dalam bahasa Arab, dan Sheikh Nuruddin hanya menyebut dirinya sebagai penulis, sedangkan nama kitab dan tahun penulisannya tidak disebut. Isinya tentang akidah dan pengalaman kerohanian orang-orang sufi dalam berzikir dengan *la ilaha illa-Lah* Naskhahnya tersimpan di Pustaka Tgk. M. Junus Djamil.

Selain dari kitab-kitab yang tersebut di atas, Sheikh Nuruddin menyebut lima buah kitabnya lagi di dalam *Al-Fath Al-Mubin*, iaitu:

25. *Al-Fath Al-Wadud fī Bayan Wihdat Al-Wujud*. Naskhahnya belum ditemui, tetapi ia disebut dalam kitab *Fath Al-Mubin*, h. 58 dan 287.

26. *'Ain Al-Jawwad fi Bayan Wiladat Al-Wujud*. Naskhahnya belum ditemui, tetapi ia disebut dalam kitab *Fath Al-Mubin*, h. 85.

27. *Awdah Al-Sabil wa Al-Dalil Laisa li Abatil Al-Mulhidin Ta'wil*. Naskhahnya belum ditemui, tetapi ia disebut dalam kitab *Fath Al-Mubin*, h. 297.

28. *Awdah Al-Sabil wa Al-Dalil Laisa li Kalam Al-Mulhidin Ta'wil*. Naskhahnya belum ditemui, tetapi ia disebut dalam kitab *Fath Al-Mubin*, h. 297.

29. *Syadhar Al-Mazid*. Naskhahnya belum ditemui, tetapi ia disebut dalam kitab *Fath Al-Mubin*, h. 287.

30. *'Umdat Al-'Itiqad* (Dr. Ahmad Daudi M. A. , *Allah Dan Manusia*, h. 47-57 Abdul Kadir Haji Muhammad, h. 26 dan Mahayudin Haji Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, 1:47).

Kedudukannya Sebagai Ilmuan Rantau Asia:

Merujuk kepada kitab-kitab yang dihasilkannya sepanjang masa berada di Tanah Melayu, Aceh dan akhirnya di India, maka tidak keterlaluan jika kita katakan bahawa beliau adalah seorang sarjana dan ulama' besar dalam ukuran zamannya. Berbagai cabang ilmu yang berkembang pada zamannya dapat dikuasai dengan baik, selain dari penguasaannya dalam berbagai bahasa, seperti Bahasa Parsi, Arab, Urdu, Melayu dan Aceh.

Dengan pembahagian masa yang rapi, selain dari tugasnya sebagai pembantu sultan dan Mufti Kerajaan, beliau telah dapat menghasilkan sejumlah penulisan yang banyak, malah beliau adalah di antara ulama' nusantara yang terbanyak menghasilkan penulisan mereka. Kitab-kitab yang dihasilkan itu meliputi pelbagai disiplin ilmu. Ini adalah sesuatu yang patut dikagumi dan dicontohi oleh para ilmuan hari ini yang berada di Menara Gading dan di mana-mana.

Kealimannya yang sangat berkesan adalah dalam bidang *Uluhiyyah* (ketuhanan). Dalam masalah ini, beliau telah memperuntukkan sebahagian besar penulisannya bagi memerangi ajaran *Wujudiyah* yang dibawa oleh Sheikh Hamzah Fansuri dan Sheikh Shamsuddin al-Sumatrani yang pada tanggapan beliau adalah sesat dan pengikutnya, jika tidak bertaubat, halal dibunuh.

Selain dari itu, beliau amat berjasa dalam menyebarkan dan memperkembangkan Bahasa Melayu melalui sebahagian besar penulisannya kerana kitab-kitab yang dihasilkan tentang akidah, ibadah, hukum halal haram serta Hadis Nabi adalah di antara kitab yang mula-mula lahir di dalam Bahasa Melayu dan telah menjadi bahan bacaan dan rujukan masyarakat Islam rantau ini. Bersamaan dengan itu Bahasa Melayu menjadi semakin popular di kalangan umat Islam di rantau Asia Tenggara (Dr. Ahmad Daudy M.A. h. 58-62).

Polemik Keagamaan Zamannya:

Semasa Sheikh Nuruddin Al-Raniri menjadi Mufti Kerajaan Aceh telah berlaku suatu polemik di kalangan ulama' pada masa itu, khususnya di antara beliau dengan pengikut Sheikh Shamsuddin Al-Sumatrani dan Sheikh Hamzah Fansuri berkisar di sekitar persoalan *Wujudiyah*.

Menurut pandangan Al-Raniri, terdapat dua bentuk *Wujudiyah* dari segi konsepnya; yang pertama dinamakan *Wihdat Al-Wujud Al-Mulhid* (*Kesatuan Wujud Yang Sesat*) dan yang kedua pula dinamakan *Wihdat Al-Wujud Al-Muwahhid* (*Kesatuan Wujud Yang Mengesakan Allah*). Beliau meletakkan pengikut Sheikh Syamsuddin Al-Sumatrani dan Sheikh Hamzah Fansuri ke dalam golongan yang berpegang kepada konsep *Wihdat Al-Wujud Al-Mulhid* dalam pentafsiran mereka berkaitan dengan *Uluhiyyah* menurut ajaran *Wujudiyah*. Golongan yang berpegang kepada konsep *Wihdat Al-Wujud Al-Mulhid* mengatakan bahawa zat Tuhan itu adalah alam dan alam itu adalah Tuhan. Justeru itu menurut Al-Raniri, mereka adalah kumpulan yang tersasar dari landasan akidah Islam dan di hukum kafir. Sementara golongan yang berpegang kepada konsep *Wihdat Al-Wujud Al-Muwahhid* mengatakan bahawa seluruh alam ini berasal daripada

Allah Yang Maha ^Ésa, dengan erti bahawa kejadian alam ini adalah berdasarkan kepada ciptaan Allah. Inilah pegangan Al-Raniri yang beliau yakini benar dan yang wajib dianuti oleh seluruh umat Islam di rantau ini selaras dengan pegangan **Ahli Al-Sunnah wa Al-Jama`ah**.

Dalam usaha membanteras ajaran *Wujudiyah* yang diyakini sesat, Al-Raniri sering mengadakan majlis diskusi atau perdebatan dengan para pengikut ajaran tersebut, dan kadang-kadang majlis itu diadakan di dalam istana di mana Sultan sendiri turut menghadirinya.

Atas pengaruh dan kedudukan beliau yang kuat sebagai Mufti Kerajaan, satu perhimpunan besar telah diadakan yang dihadiri oleh 40 orang ulama' besar Aceh pada waktu itu untuk bersidang dan membahaskan ajaran *Wujudiyah*. Hasilnya, fatwa mengkafirkan pengikut *Wujudiyah* dan membolehkan mereka dibunuh jika mereka tidak bertaubat telah dikeluarkan. Selain daripada itu, semua kitab-kitab karya Sheikh Shamsuddin Al-Sumatrani dan Sheikh Hamzah Fansuri diarahkan supaya dibakar. Berdasarkan kepada fatwa ini, Sultan Iskandar Thani bertindak membunuh mereka dan membakar kitab kedua-dua tokoh tersebut di halaman Masjid Baiturrahman. Peristiwa ini amat menyayat hati dan membingungkan masyarakat Islam Aceh pada masa itu (Dr. Ahmad Daudy M. A., *Allah Dan Manusia*, h. 40-41, lihat juga Mahayudin Haji Yahaya, *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, 1:46).

Polemik *Wujudiyah* telahpun berlaku di negara Arab sebelum ini di antara Ibn Arabi (1165-1240M.) dan ulama'-ulama' lain dan telahpun selesai ditangani pada masa itu, tetapi kenapa polemik itu berulang lagi di rantau ini yang memberi impak buruk kepada kedudukan dan kebebasan para ulama' serta hasil pemikiran mereka? Satu penyelidikan daripada mereka yang arif dalam bidang *Uluhiyyah* adalah amat diperlukan bagi menangani persoalan ini secara lebih jelas.

Para sarjana Islam pada masa ini, di antara mereka Syed Muhammad Naguib Al-Attas cenderung mengatakan bahawa Al-Raniri dalam tindakannya menyerang para pengikut

Sheikh Shamsuddin Al-Sumatrani dan Sheikh Hamzah Fansuri kerana kepentingan kedudukan yang ingin diperolehinya dalam Kerajaan Aceh. Selain dari itu, beliau dinilai sebagai tidak memiliki pemahaman pemikiran tasawuf yang mencukupi untuk menentang Sheikh Hamzah Fansuri. Tambahan pula beliau dikatakan kurang mahir dalam penggunaan istilah-istilah perlambangan bahasa Melayu yang diterimapakai dalam mengungkapkan hal-hal antologi ketuhanan. Dengan itu tentangannya semata-mata hanya untuk memenuhi tuntutan peribadinya sahaja (Syed Muhammad Naguib Al-Attas, h. 17).

Pendapat di atas, sebahagiannya disetujui oleh Dr. Ahmad Daudy apabila beliau mengatakan bahawa pengalaman dan ilmu agama yang ada pada beliau belum cukup untuk mencerna dan menentang pemikiran tasawuf Sheikh Hamzah Fansuri (Dr. Ahmad Daudy M. A., *Allah Dan Manusia*, h. 248).

Kitab Sirat Al-Mustaqim:

Ulasan berkaitan dengan kitab ini akan meliputi beberapa aspek, antaranya; tarikh penulisannya, kandungannya, rujukannya, metod dan tujuan penulisannya dan bahasa yang menjadi media penulisannya serta bilangan naskhahnya yang masih tersimpan di Galeri KeBawah Duli di Jabatan Mufi Kerajaan.

Kitab *Sirat al-Mustaqim* karya Sheikh Nuruddin al-Raniri merupakan sebuah kitab perundangan Islam pertama dan tertua yang pernah dijumpai di Tanah Melayu. Seratus lima puluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1195 H. / 1780 M, barulah diikuti oleh Sheikh Muhammad Arshad al-Banjari dari Banjar, Indonesia, dengan karyanya *Sabil al-Muhtadin li al-Tafaquh bi Amr al-Din*.

Kitab perundangan berbahasa Melayu ini amat berpengaruh dan telah digunakan dengan meluas di kalangan penduduk Tanah Melayu, Aceh dan di beberapa buah negeri lain di Asia Tenggara.

Penggunaannya yang meluas itu bukan sahaja di kalangan rakyat jelata, tetapi juga meliputi golongan istana. Hal ini dapat diperhatikan dalam peristiwa pengirimannya

kepada Sultan Muzalfal Shah, sultan negeri Kedah oleh Sultan Aceh pada waktu itu (Abd. Kadir Bin Haji Mohammad, h. 31).

Dengan ini jelas, kitab perundangan Islam yang ditulis di Pahang, kemudian dibawa ke Aceh memainkan peranan besar di dalam menyampaikan hukum-hukum ibadat kepada penduduk Islam yang tinggal di rantau Asia ini.

Tarikh Penulisannya:

Lima naskhah kitab ini yang tersimpan di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkuah, semuanya menunjukkan bahawa ia ditulis pada tahun 1044H. (rujuk mukadimah naskhah bil, 1, 3, 10, 33 dan 39). Walaupun begitu, masih terdapat pertentangan pendapat tentang tarikh ini dan tarikh ia selesai ditulis. Hal ini merujuk kepada beberapa naskhah lain yang dirujuk oleh para pengkaji. Sebagai contohnya, R.O.Winstedt, dalam salah satu pendapatnya mengatakan bahawa ia mula ditulis pada tahun 1038H./1628M. Manakala pendapatnya yang lain mengatakan, ia ditulis pada tahun 1044H./1634M. Pendapat beliau yang kedua adalah bersamaan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Syed Mohammad Naguib Al-Attas, Mohd Noor Ngah, Abdul Rahman Al-Ahmadi dan Omar Awang.

Ada segolongan pengkaji berpendapat bahawa ia selesai ditulis pada tahun 1054H./1644M. Ini disuarakan oleh Dr. Ahmad Daudy dan T. Iskandar (kedua-duanya dari Indonesia). Yahya Ismail pula dalam catatannya menyebut bahawa kitab ini dihasilkan pada tahun 1140H./ 1689M.

Pendapat R.O. Winstedt yang mengatakan bahawa penulisannya berlaku pada tahun 1038H./1628M., tidak dapat diterima kerana ia bercanggah dengan pendapatnya yang kedua dan lagi tiada bukti yang menyokongnya. Pendapat beliau yang kedua adalah lebih tepat kerana, selain ia disetujui oleh sebilangan pengkaji, ia juga bersamaan dengan tarikh yang tercatat dalam pendahuluan kesemua naskhah milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pendapat Dr. Ahmad Daudy dan T. Iskandar yang mengatakan ia selesai ditulis pada tahun 1054H./1644M., mungkin berdasarkan kepada tarikh yang tercatat pada bahagian

akhir salah satu naskhahnya (seperti teks bilangan 10 milik Kebawah Duli Yang Maha Mulia, tetapi tarikh tersebut boleh dipertikaikan berdasarkan kepada beberapa sebab; di antaranya, Dr. Ahmad Daudy sendiri mengatakan bahawa buku terakhir yang dihasilkan Al-Raniri sebelum beliau berangkat pulang ke India pada tahun 1054H./1644M. ialah *Jawahir Al-'Ulum fi Kashf Al-Ma'lum* bukannya kitab *Sirat Al-Mustaqim*. Sebab kedua, adalah tidak munasabah sebuah kitab yang kecil yang hanya mengandungi lebih kurang 93,000 perkataan mengambil masa 10 tahun untuk menyiapkannya, iaitu dari tahun 1044H. sehingga tahun 1054H., sedangkan kitab *Sabil Al-Muhtadin* yang mengandungi lebih kurang 373,000 perkataan hanya ditulis dalam masa dua tahun sahaja oleh Sheikh Muhammad Arshad Al-Banjari. Dengan itu tarikh 1054H./1644M. tidak dapat diterima (Abd Kadir Bin Haji Muhammad, h. 22-25),

Sementara tarikh 1140H./1689M. (Yahya Ismail), juga tidak munasabah kerana Al-Raniri meninggal dunia pada 1069H./1658M.

Justeru itu tarikh sebenar kitab ini ditulis ialah pada tahun 1044H./1634M. dan dijangka selesai sebelum tahun 1045H./1635M. kerana pada tahun 1045H. beliau didapati menulis sebuah kitab yang lain bernama *Hidayat Al-Habib fi Al-Tarhib wa Al-Tarhib* (Abd Kadir Bin Haji Muhammad, h. 26).

Kandungannya:

Secara terperinci, Al-Raniri membahagikan kandungan kitabnya seperti berikut:

Pertama, *Kitab Al-Taharah*, yang diikuti dengan *bab al-najasah*, *bab al-wudu'*, *bab ma yajib al-ghasl*, *bab al-tayammum* dan *bab al-haid wa al-istihadah wa al-nifas*.

Kedua, *Kitab Al-Solat*, diikuti dengan *bab auqat al-solah*, *bab kaifiyyat solat al-musafir*, *bab solat al-jum'ah*, *bab solat al-'aidain*, *bab solat al-kusufain*, *bab solat al-istisqa'* dan *bab al-janazah*.

Ketiga, *Kitab Al-Zakah* dan diikuti dengan *bab zakat al-nabat* dan *bab zakat al-naqd*.

Keempat, *Kitab Al-Siyam* diikuti dengan *bab al-i'tikaf*.

Kelima, *Kitab Al-Hajj* dan diikuti dengan *bab al-mawaqit* dan *bab al-udhiyah*.

Keenam, *Kitab Al-Said*.

Ketujuh, *Kitab Al-At'imah*.

Rujukannya:

Sebagai seorang ulama' yang berpegang kepada Mazhab Shafi'i, Al-Raniri dalam penulisannya ini telah merujuk kepada beberapa rujukan yang muktabar dalam Mazhab Shafi'i, seperti:

- 1.Kitab *Minhaj Al-Talibin* tulisan Imam Al-Nawawi (w.676H/1277M.).
- 2.Kitab *Manhaj Al-Tullab* dan syarahnya *Fath Al-Wahhab*, tulisan Sheikh Zakaria Al-Ansari (w.927H./1520M.)
- 3.Kitab *Hidayat Al-Muhtaj* tulisan Ibn Hajar Al-Haitami (w.975H./1567M.).
- 4.Kitab *'Umdat Al-Salik wa 'Uddat Al-Nasik* tulisan Shihab Al-Din Ahmad ibn Lulu' Al-Naqib (w.771H./1369M.).
- 5.Kitab *Al-Anwar li A'mal al-Bararah* tulisan Al-Ardabili (beliau dilahirkan pada 776H./1374M.).

6.Ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadis.

Selain dari kitab-kitab tersebut, di dalam usaha beliau mengukuhkan sesuatu hukum yang diterangkan, Al-Raniri juga telah merujuk kepada ayat-ayat Al-Qur'an dan Hadis-hadis Rasulullah SAW. yang diriwayatkan oleh ahli-ahli Hadis terkemuka, seperti Al-Bukhari, Muslim, Abu Dawud, Ibn Majah, Al-Tirmidhi, Al-Hakim, Al-Baihaqi dan Ibn Hibban.

Metod dan Tujuan Penulisannya:

Kandungan kitab ini dibahagikan kepada beberapa tajuk besar, iaitu *kitab*, tiap kitab dipecahkan kepada beberapa *bab* dan setiap bab pula diikuti dengan bahagian yang lebih kecil yang dinamakan *fasal-fasal* dan seterusnya *masalah*. Pembahagian begini dapat dilihat sepanjang penulisan kitab ini. Beliau mengutamakan pendapat yang kuat (*sahih*) sahaja dan mengeneipkan pendapat yang lemah (*da'if*). Sebahagian pendapat dikukuhkan dengan ayat-ayat Al-Qur'an atau Hadis-hadis Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam.

Ia dimulakan dengan mukadimah ringkas yang menjelaskan tentang tujuan kitab ini dihasilkan dan tarikh ia ditulis, antara lain Al-Raniri menyebut pada hal 4:

Adapun kemudian daripada itu, maka tatkala hijrah Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wasallam seribu empat puluh empat tahun, sanya telah meminta padaku seorang sahabatku yang besar pada menghimpunkan suatu kitab pada menyatakan Ilmu Fiqh atas Mazhab Imam Shafi'i RA., menterjemahkan daripada bahasa Arab kepada bahasa Jawi supaya beroleh manfaat dengan dia barangsiapa yang tiada mengetahui bahasa Arab....

Selanjutnya pada halaman yang lain (hal. 6), selain dari menyebut nama kitab yang sedang dihasilkan, beliau juga menyebut nama beberapa buah kitab yang menjadi rujukannya, antara lain beliau menyebut:

... dan kita namai kitab ini Sirat al-Mustaqim dan lagi kita pohonkan kepada Allah Ta'ala yang Maha Besar barang beroleh manfaat kerana kitab ini, seperti yang beroleh manfaat dengan segala pohon (rujukan) kitab ini, seperti kitab Minhaj Al-Talibin bagi Imam Muhy Al-Din Al-Nawawi RA., dan seperti kitab Manhaj Al-Tullab dengan Sharahnya Fath Al-Wahhab bagi Sheikh Al-Islam Imam Abi Zakaria Yahya Al-Ansari RA, seperti kitab Hidayat Al-Muhtaj Sharah bagi Mukhtasar Ibn Hajj bagi Imam Shihab Al-Din Ahmad Sheikh Ibn Hajar Makki R. 'Anhuma, dan seperti kitab Anwar bagi Imam Ardabili RA. dan seperti kitab 'Umdat Al-Salik bagi Imam Alim Al-Fadil Ibn Naqib yang mukhtasarkan Minhaj.

Pada halaman yang sama beliau menekankan bahawa beliau hanya memilih, di dalam penulisan ini, pendapat yang kuat sahaja (*sahih*) yang selari dengan pendapat Imam Al-Nawawi di dalam kitabnya *Minhaj* (iaitu *Minhaj Al-Talibin*) dengan mengeneipkan pendapat yang *da'if*, antara lain beliau menyebut:

... tetapi adalah fakir memelihara akan qaul yang sahih lagi muafakat dengan Minhaj daripada qaul yang da'if.

Ungkapan di atas menggambarkan kepada pembaca tentang sikap beliau apabila berhadapan dengan beberapa pendapat yang bertentangan di dalam sesuatu masalah yang dibincang di dalam kitab ini.

Kemudian di akhir kitab ini disebut:

... pengarang RA berkata: Selesai salinan kitab ini pada hari Jumaat yang penuh berkat, waktu duha (pagi) pada permulaan bulan Syawal. tanpa disebut tahunnya. Kemungkinan ia merujuk kepada tahun 1044H., seperti yang dicatatkan pada bahagian pendahuluan kitab ini (analisis ini berdasarkan naskhah bil. 1, Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkuah, Jabatan Mufti Kerajaan).

Bahasanya:

Bahasa yang dikuasainya sebelum beliau merantau ke Alam Melayu, iaitu bahasa Melayu lama telah digunapakai dengan baiknya di sepanjang penulisan kitabnya ini. Walaupun begitu terdapat di sana sini, selain dari ayat-ayat Al-Qur'an, Hadis dan do'a, sejumlah besar perkataan Arab, sama ada istilah atau bukan istilah, yang telah diguna dalam mengungkapkan pendapatnya. Hal ini bukanlah sesuatu yang aneh kerana Bahasa Arab merupakan bahasa teras di dalam ilmu-ilmu Islam sejak dahulu lagi sehinggalah sekarang ini, tentunya ia mempunyai kesan, sama ada secara disadari atau tidak, dalam penulisan setiap ilmuan Islam.

Sesuatu yang menarik di dalam kitab ini, walaupun penulisnya berasal dari India, di mana Bahasa Sanskrit merupakan bahasa yang terkenal di negara itu, jarang kita temui penggunaannya dalam kitab ini. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor,

antaranya Al-Raniri sendiri hidup dalam lingkungan keislaman; waktu mudanya beliau belajar di Hadramaut, kemudian pulang ke Ranir, suatu daerah yang mempunyai ramai penduduk Islam terdiri dari orang-orang Turki, Arab, Parsi dan Melayu. Dengan demikian pengaruh Islam lebih mendalam dalam ungkapan penulisannya dari pengaruh India dengan bahasa sanskritnya.

Oleh kerana kitab ini dihasilkan pada abad ke 11 Hijrah/17 Masehi, kita akan menemui beberapa kesulitan untuk membaca ejaan sebahagian besar perkataan lama yang terdapat di dalamnya, selain dari memahami maksud perkataan-perkataan tersebut kerana sebahagiannya sudah tidak diguna lagi di dalam masyarakat hari ini.

Naskhah Ke Bawah Duli:

Terdapat lima (5) naskhah manuskrip kitab ini yang tersimpan di Balai Pameran Islam Sultan Haji Hassanah Bolkuah di Jabatan Mufti Kerajaan. Tiap naskhah diberi kod bilangannya: 1, 3, 10, 33 dan 39.

Untuk kajian ini saya memilih naskhah bilangan 1 kerana beberapa sebab, antaranya ia merupakan naskhah yang saya anggap terawal disalin, berbanding dengan naskhah-naskhah yang lain. Tarikh selesai ia disalin menurut catatan pada halaman akhirnya ialah pada waktu duha (pagi), hari Jumaat, bulan Syawal, (tahun 1044H.). Sedangkan naskhah-naskhah yang lain disalin pada tarikh yang lewat selepas itu, seperti naskhah bilangan 10 dan 33 selesai disalin pada waktu zuhur, hari Sabtu, awal Rejab, tahun 1054H. Dan naskhah bilangan 3 pula terdapat dua catatan tentang tarikh ia selesai disalin, tanpa dinyatakan tahunnya (mungkin merujuk kepada tahun yang tersebut pada mukadimahnyanya, iaitu tahun 1044H., dan ini memerlukan kepada satu kajian yang lain). Naskhah bil. 39 tidak lengkap.

Keterangan Lengkap:

Naskhah bilangan 1 setebal 455 halaman bertulis, dijilid dengan kulit keras berwarna coklat pekat dengan lakaran bunga tekan.

Ukuran halamannya: 20X14.9 cm.

Ukuran kitab: 20X14.9X6 cm.

Ukuran tulisan pada halaman 1 dan 2: 8.1X6 cm., kedua-duanya dihiasi dengan bingkai bunga berwarna.

Bilangan baris pada halaman 1: 10 baris.

Bilangan baris pada halaman 2: 11 baris.

Bilangan perkataan pada setiap baris, secara umumnya antara 6-7 perkataan.

Mulai dari halaman 3 sehingga ke akhir kitab, kesemua halamannya tidak dihiasi dengan bingkai bunga berwarna

Ukuran tulisan pada setiap halaman ialah: 14X8.5 cm.

Bilangan baris pada setiap halaman: 17 baris.

Bilangan perkataan pada setiap baris adalah di antara 6-9 perkataan, tetapi sebahagian besarnya mengandungi 9 perkataan.

Bentuk tulisan: Tidak menurut bentuk khat tertentu – jawi biasa. Terdapat, sekurangnya 4 bentuk tulisan yang berbeza di antara satu dengan yang lainnya. Kemungkinan ia daripada empat orang penyalinnya. Dengan itu saya berpendapat bahawa naskhah ini bukanlah naskhah asal tulisan Al-Raniri, tetapi ia adalah naskhah yang disalin dari naskhah asal oleh beberapa orang penyalin.

Dakwat: Hanya dua jenis dakwat sahaja yang digunakan, iaitu dakwat berwarna hitam dan merah. Dakwat berwarna hitam digunakan untuk tulisan kandungan secara umum,

dan dakwat berwarna merah pula digunakan untuk tulisan tajuk, seperti *kitab, bab, fasal, masalah, teks Hadis, ayat al-Qur'an* dan *do'a* (tetapi tidak kesemua *do'a* ditulis dengan dakwat merah). Selain dari itu terdapat juga beberapa perkataan yang ditulis dengan dakwat merah, seperti *dan, suatu, demikianlah, ada pun, shahdan, bermula, sebermula, yakni* dan *tetapi*. Sebahagian teks Hadis dan ayat al-Qur'an dibariskan perkataannya.

Nama penyalinnya: Tidak dicatat.

Tarikh selesai ia disalin, menurut catatan pada halaman akhirnya ialah pada waktu pagi (duha), hari Jumaat, permulaan bulan Syawal, (mungkin pada tahun 1044 H. seperti yang dijelaskan dalam mukadimahny).

Kedudukan naskhah: Lengkap.

Naskhah bilangan 3:

Naskhah ini setebal 224X2 = 448 halaman.

Ukuran halamannya: 22X16 cm.

Ukuran kitab: 22X16X4 cm.

Bentuk tulisan: Jawi biasa + nasakh + thuluth.

Bilangan baris pada setiap halaman: 19 baris.

Bilangan perkataan pada setiap baris: 12-13 perkataan.

Tarikh selesai penulisannya: Pada hari Ahad, waktu zuha (pagi), bulan Rejab (mungkin merujuk kepada tahun 1044 H.).

Tarikh selesai salinannya: Pada hari Jumaat, waktu asar, bulan Safar, dalam masa 13 bulan (iaitu pada awal tahun 1045 H.).

Penyalinnya bernama: Adam.

Pemilikinya bernama: Tiku Lim (Lima) Anak.

Kedudukan naskhah: Lengkap.

Naskhah bilangan 10:

Jumlah halaman: $266 \times 2 = 532$ halaman.

Ukuran halaman: 22.5X16 cm.

Ukuran kitab: 22.5X16X6 cm.

Bentuk tulisan: Jawi biasa + nasakh + thuluth.

Bilangan baris pada setiap halaman: 17 baris.

Bilangan perkataan pada setiap baris: 10-12 perkataan.

Tarikh siap ditulis: Hari Sabtu, waktu zuhur, pada awal bulan Rejab 1054H.

Tarikh salinan: tahun dal 1234H.

Penyalin: Haji Dalam Panas.

Kedudukan naskhah: Lengkap.

Naskhah bilangan 33:

Jumlah halaman: 219X2 = 438 halaman

Ukuran halaman: 21.5X16 cm.

Ukuran kitab: 21.5X16X3 cm.

Bentuk tulisan: Jawi biasa + nasakh + thuluth.

Bilangan baris pada setiap halaman: 19 baris.

Bilangan perkataan pada setiap baris: 10-13 perkataan.

Tarikh siap ditulis: Hari Sabtu, waktu zuhur, pada awal bulan Rejab 1054H.

Tarikh siap disalin: Malam Jumaat, penghujung bulan Safar (tiada kenyataan tentang tahunnya).

Penyalin: Tiada kenyataan.

Kedudukan naskhah: Lengkap.

Naskhah bilangan 39:

Jumlah halaman: 226X2 = 454 halaman.

Ukuran halaman: 22X15.5 cm.

Ukuran kitab: 22X15.5X6 cm.

Bentuk tulisan: bercampur-campur bentuknya di antara jawi biasa, nasakh dan thuluth.

Bilangan baris pada setiap halaman: 19 baris.

Bilangan perkataan pada setiap baris: 10-13 perkataan.

Tarikh siap ditulis: tidak dicatat.

Tarikh salinan: tidak dicatat.

Penyalin: tidak dicatat.

Kedudukan naskhah: Tidak lengkap.

RUMUSAN DAN CADANGAN:

Merujuk kepada perbincangan yang lalu, kita dapat membuat beberapa rumusan berkaitan dengan penulis dan kitabnya seperti berikut:

1. Sheikh Nuruddin Al-Raniri seorang ilmuwan yang kuat membaca dan amat produktif. Ini dapat dilihat dari kitab-kitab rujukan yang disebut di dalam setiap karyanya dan bilangan karya yang dihasilkannya.
2. Beliau juga seorang ulama' dan Mufti Kerajaan yang bersikap tegas dalam memerangi apa yang diyakininya sesat dan bercanggah dengan fahaman **Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama`ah**. Ini jelas dapat dilihat dalam fatwanya yang menghukum kafir ke atas para pengikut ajaran *Wujidiyyah* dan menghalalkan darah mereka jika tidak bertaubat.
3. Di dalam tentangannya terhadap pengikut ajaran *Wujidiyyah*, beliau sentiasa menggunakan cara berdialog dan berdebat bagi membuktikan mana yang hak dan mana yang batil. Satu perhimpunan besar telah berjaya diadakan, di mana beliau dapat mengumpulkan 40 orang ulama' besar Aceh bagi tujuan tersebut. Kedudukan ini menunjukkan bahawa beliau

adalah seorang yang cenderung menyelesaikan apa-apa masalah secara terbuka dan jelas.

4. Beliau merupakan seorang tokoh yang amat berjasa dalam menyebarkan dan memperkembangkan Bahasa Melayu menerusi sebahagian besar kitab-kitabnya yang dihasilkan di dalam bahasa itu dan menjadi bacaan umum masyarakat Islam zamannya. Dengan itu Bahasa Melayu menjadi semakin popular di rantau Asia Tenggara.
5. Kitabnya *Sirat Al-Mustaqim* merupakan kitab perundangan pertama yang ditemui di rantau ini yang dihasilkan atas inisiatif individu. Sebelum ini, penulisan perundangan dihasilkan atas arahan pihak pemerintah bagi memenuhi keperluan negara, seperti *HUKUM KANUN MELAKA* yang dihasilkan pada awal abad ke 15 Masehi.
6. Kitab ini dihasilkan berdasarkan kepada keperluan masyarakat semasa yang tidak tahu membaca kitab-kitab di dalam Bahasa Arab menunjukkan keperihatinan beliau yang serius kepada kehendak masyarakat zamannya.
7. Penyebaran kitab ini begitu meluas sehingga meliputi hampir semua kawasan berbahasa Melayu di Asia Tenggara ini. Begitu juga tentang pembacanya, bukan sahaja terdiri dari kalangan orang-orang awam sahaja, malah ia dibaca juga oleh masyarakat istana. Catatan yang menyebut bahawa ia menjadi salah sebuah kitab yang dihadiahkan kepada Sultan Muzalfal Shah, Sultan Negeri Kedah oleh pemerintah Aceh (Sultan Iskandar Thani) pada masa itu adalah fakta yang membenarkan rumusan ini.
8. Kitab ini amat berguna untuk dibaca, difahami dan dikaji, khususnya kepada mereka yang tidak mempunyai pengetahuan tentang ibadat Islam dari segi konsep, prinsip dan perlaksanaannya

9. Kitab ini sekaligus dapat membuktikan bahawa Bahasa Melayu telahpun mampu menjadi bahasa ilmu sejak berabad dahulu.

10. Dari segi nilai sejarahnya, kelima-lima naskhah tersebut merupakan di antara naskhah tertua yang pernah ditemui berdasarkan kepada kertas dan tarikh yang tercatat pada tiap naskhahnya.

Selajur dengan itu, beberapa langkah penting perlu diambil untuk memanfaatkan kitab ini (*jika berkaitan*):

1. Kitab ini hendaklah digambarkan naskhah manuskripnya ke dalam microfilm untuk pembacaan atau kegunaan penyelidikan, sementara naskhah asalnya (manuskripnya) hendaklah dipelihara dengan baik tanpa didedahkan kepada sentuhan umum. Begitu juga dengan manuskrip-manuskrip yang lain.
2. Untuk memudahkan bacaan dan pemahaman kandungannya, teksnya hendaklah diedit atau *ditahqiq* terlebih dahulu oleh mereka yang ahli dan arif di dalam bidang berkenaan sebelum ia dicetak dan diedarkan kepada bacaan umum.
3. Bagi menjayakan program edit/*tahqiq* ini, pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia adalah disarankan agar membentuk sebuah panel pentahqiq yang terdiri dari pakar-pakar di dalam ilmu-ilmu Syariah, tafsir, hadis, Bahasa Melayu dan Arab, sejarah dan tamadun.
4. Selain dari itu, turut disediakan juga kemudahan-kemudahan perpustakaan, perkeranian dan bilik gerakan yang sempurna bagi menjamin kelancaran dan kejayaan program yang dirancang.

5. Kerjasama yang erat dengan mana-mana institusi yang berkaitan perlu diwujudkan demi peningkatan pengalaman kesarjanaan dan penyelidikan.
6. Hendaklah ada usaha-usaha yang berterusan bagi mengumpulkan warisan pemikiran ulama' kita dari masa ke semasa dari mana-mana pihak agar ianya dapat dipelihara dengan baik sebagai warisan sejarah umat Islam dan sebagai penghargaan kita kepada kegigihan para sarjana lampau berkreatif walaupun dalam suasana kemudahan penerbitan yang serba daif jika dibandingkan dengan perkembangan yang ada pada masa ini.

Sebenarnya usaha-usaha menerbitkan khazanah pemikiran Islam ini di dalam bentuk yang sudah *ditahqiq* telahpun dimulakan oleh ilmuan Barat sejak abad ke 19 Masehi lagi apabila mereka berjaya menerbitkan kitab *Al-Mutakhab min Tarikh Halb* tulisan Ibn al-'Adim pada tahun 1819 M. dan *Mu'jam Al-Buldan* tulisan Yaqut al-Hamawi pada tahun 1866 M.

Kita, umat Islam, hanya baru menyedari kedudukan ini pada awal abad ke 20 Masehi apabila Universiti Al-Azhar, Mesir, telah membuka peluang kepada para pelajarnya, pada peringkat Master atau Ph.D mengemukakan penyelidikan di dalam bidang *tahqiq* manuskrip bagi memperolehi ijazah tersebut.

wa ma taufiqi illa bil-Lah

Rujukan:

1. Dr. Ahmad Daudy, M.A., *Allah Dan Manusia dalam konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, Jakarta: Penerbit CV. Rajawali, 1983.
2. -----, *Syeikh Nuruddin Ar-Raniri (Sejarah, Karya dan Sanggahan Terhadap Wujudiyah Di Aceh)*, Jakarta: Bulan Bintang, 1978.
3. Dr. T. Iskandat, *Nuru'd-din ar-Raniri – Bustanu's-Salatin Bab II, Fasal 13*, KL: DBP, 1966.
4. Abdul Kadir Bin Haji Muhammad, *Sejarah Penulisan Hukum Islam Di Malaysia*, KL: DBP, 1996.
5. Mohd. Noor bin Ngah, "Some Writing of the Traditional Malay Muslim Scholars, Found in Malaysia," dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, KL: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.
6. Syed Muhammad Naguib Al-Attas, *Raniri and the Wujudiyah of 17th century Aceh*, Singapore: Malayan Branch, Royal Asiatic Society, 1966.
7. R.O. Winstedt, *A History of Calassical Malay Literature*, KL: Oxford University Press, 1969.
8. Dr. Salah Al-Din Al-Munajjid, *Qawa'id Tahqiq Al-Makhtutat*, Beirut: Dar Al-Kitab Al-Jadid, 1970.
9. Yahya Ismail, *Bimbingan Sastera Melayu Lama*, KL: Penerbit Utusan Melayu, 1979.
10. Dr. Ahmad Nahrawi Abdussalam, *Al-Imam Al-Shafi'i fi Madhhabaihi Al-Qadim wa Al-Jadid*, Kaherah, 1988.

11. Mahayudin Hâji Yahaya (Prof. Dr.), *Naskhah Jawi Sejarah dan Teks*, KL: DBP, 1994.
12. -----, *Sejarah Islam*, KL: Penerbit Fajar Bakti, 1993.
13. -----, *Ensiklopedia Sejarah Islam*, Bangi: UKM, 1986.
14. Prof. Madya Dr. Mat Saad bin Abdul Rahman, *Penulisan Fiqh Shafi'i*, Shah Alam: Penerbitan Hizbi, 1986.
15. Dr. Mahmud Muhammad Al-Tantawi, *Al-Madkhal li Al-Fiqh Al-Islami*, Cairo: Dar Al-Nahdah Al-'Arabiyyah, 1987.

LAMPIRAN

ISI KANDUNGAN LENGKAP KITAB SIRAT AL-MUSTAQIM:

Sheikh Nuruddin Al-Raniri membahagikan kandungan kitabnya itu kepada 7 Kitab, 21 Bab dan 97 Fasal.

Ketujuh-tujuh kitab tersebut ialah:

- 1.Kitab Al-Taharah.
- 2.Kitab Al-Solah.
- 3.Kitab Al-Zakah.
- 4.Kitab Al-Siyam.
- 5.Kitab Al-Hajj.
- 6.Kitab Al-Said wa Al-Dhaba'ih.
- 7.Kitab Al-At'imah.

Kitab Al-Taharah terdiri dari 5 bab dan 24 fasal, seperti berikut:

- 1.Fasal pada menyatakan air mutlaq.
- 2.Fasal pada menyatakan air makruh.
3. Fasal pada menyatakan air musta`mal.
4. Fasal pada menyatakan air yang najis.
5. Fasal pada menyatakan ijtihad.
6. Fasal pada menyatakan memakai segala bijana.
7. Fasal pada menyatakan segala pakaian.

Bab I: Bab Al-Najasah wa Izalatuhu

(pada menyatakan segala najis dan cara menghilangkannya)

8. Fasal pada menyatakan cara menghilangkan segala najis.
9. Fasal pada menyatakan qada' hajat besar dan kecil.
10. Fasal pada menyatakan (cara) beristinja'.
11. Fasal pada menyatakan (cara) bersugi.

Bab II: Bab Al-Wudu'

(pada menyatakan mengambil air sembahyang).

12. Fasal pada menyatakan segala sunat wudu'.
13. Fasal pada menyatakan segala makruh wudu'.
14. Fasal pada menyatakan segala syarat wudu'.
15. Fasal pada menyatakan menyapu atas dua muza (khuf).
16. Fasal pada menyatakan segala yang membatalkan wudu'.
17. Fasal pada menyatakan barang yang haram sebab hadath kecil.
18. Fasal pada menyatakan sunat mengambil wudu'.

Bab III: Bab ma Yajib Al-Ghasl

(pada menyatakan segala yang mewajibkan mandi).

19. Fasal pada menyatakan peri mandi yang wajib.

Bab IV: Bab Al-Tayammum

(pada menyatakan tayammum).

20. Fasal pada menyatakan syarat tayammum.
21. Fasal pada menyatakan rukun tayammum.

Bab V: Bab Al-Haid wa Al-Istihadah wa Al-Nifas

(pada menyatakan haid, istihadah dan nifas).

22. Fasal pada menyatakan haid.
23. Fasal pada menyatakan istihadah.
24. Fasal pada menyatakan nifas.

Kitab Al-Solah terdiri dari 10 Bab dan 40 Fasal seperti berikut:

Bab I: Auqat Al-Solah

(pada menyatakan segala waktu sembahyang)

1. Fasal pada menyatakan ijtiha - waktu sembahyang.
2. Fasal pada menyatakan segala waktu yang tertegah sembahyang.
3. Fasal pada menyatakan barang yang wajib sembahyang atasnya dan barang ta'alluq dengan dia.
4. Fasal pada menyatakan bang.

Bab II: Syurut Al-Solah

(pada menyatakan syarat sembahyang)

Bab III: Bab Sifat Al-Solah

(pada menyatakan peri sembahyang).

5. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam sembahyang.
6. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam ruku'.
7. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam i'tidal.
8. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam sujud.
9. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam duduk antara dua sujud.
10. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam tahaiyyat akhir.
11. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dalam salam.
12. Fasal pada menyatakan segala sunat yang kemudian daripada sembahyang.
13. Fasal pada menyatakan segala yang membatalkan sembahyang.
14. Fasal pada menyatakan had tanda musalla.
15. Fasal pada menyatakan segala makruh yang dalam sembahyang.
16. Fasal pada menyatakan sujud sahwi.
17. Fasal pada menyatakan sujud tilawah.
18. Fasal pada menyatakan sujud shukur.
19. Fasal pada menyatakan sembahyang sunat.
20. Fasal pada menyatakan sembahyang berjama'ah.
21. Fasal pada menyatakan `uzur pada orang yang sembahyang Jum`at dan berjama'ah.
22. Fasal pada menyatakan syarat mengikut imam.
23. Fasal pada menyatakan syarat sah sembahyang berjama'ah.
24. Fasal pada menyatakan masbuq yang mendapat serakaat bersama imam.
25. Fasal pada menyatakan sifat yang terlebih patut pada imam.

26. Fasal pada menyatakan setengah sunat yang ta'alluq pada berjama'ah .

Bab IV: Fi Kaifiyyat Solat Al-Musafir

(pada menyatakan peri sembahyang orang yang musafir).

27. Fasal pada menyatakan permulaan safar.

28. Fasal pada menyatakan segala syarat qasar.

29. Fasal pada menyatakan sembahyang jama' pada safar dan pada ketika hujan.

Bab V: Solat Al-Jum'at

(pada menyatakan sembahyang Jum'at)

30. Fasal pada menyatakan segala syarat sah Sembahyang Jum'at.

31. Fasal pada menyatakan sunat khutbah dan Sembahyang Jum'at.

32. Fasal pada menyatakan segala sunat Jum'at.

33. Fasal pada menyatakan hukum barang yang ta'alluq dengan dia mendapat Jum'at.

Bab VI: Fi Kaifiyyat Solat Al-Khauf

(pada menyatakan sembahyang tatkala ketakutan).

Bab VII: Bab Solat Al-'Aidain

(pada menyatakan sembahyang dua hariraya)

34. Fasal pada menyatakan sunat yang dikerjakan pada hariraya.

Bab VIII: Solat Al-Kusufain

(pada menyatakan sembahyang dua gerhana)

Bab IX: Solat Al-Istisqa'

(pada menyatakan sembahyang minta hujan)

35. Fasal pada menyatakan segala sunat daripada yang tersebut itu.

36. Fasal pada menyatakan hukum meninggalkan sembahyang.

Bab X: Bab Al-Janazah

(pada menyatakan segala hukum jenazah)

37. Fasal pada menyatakan perintah memandikan mayat dan barang yang ta'alluq dengan dia.

38. Fasal pada menyatakan perintah kafan.

39. Fasal pada menyatakan rukun sembahyang mayat.

40. Fasal pada menyatakan hukum menanamkan mayat.

Kitab Al-Zakah terdiri dari 3 Bab dan 10 Fasal, seperti berikut:

Bab I: Bab Al-Zakah

(pada menyatakan hukum zakat)

1. Fasal pada menyatakan zakat kerbau dan lembu.

2. Fasal pada menyatakan zakat kambing dan biri-biri.
3. Fasal pada menyatakan setengah hukum daripada jumlah perkataan yang dihaul jua.
4. Fasal pada menyatakan segala syarat zakat na'am.

Bab II: Bab Zakat Al-Nabat
(pada menyatakan zakat segala tumbuh-tumbuhan).

5. Fasal pada menyatakan hukum zakat yang wajib pada segala perkara yang tersebut dan barang yang ta'alluq dengan dia.

Bab III: Bab Zakat Al-Naqd
(pada menyatakan zakat emas dan perak).

6. Fasal pada menyatakan zakat harta perniagaan.
7. Fasal pada menyatakan zakat fitrah dan sadaqah fitrah.
8. Fasal pada menyatakan niat zakat dan mengeluarkan dia.
9. Fasal pada menyatakan membahagi zakat akan segala mustahiqnya.
10. Fasal pada menyatakan hukum sadaqah yang sunat.

Kitab Al-Siyam terdiri 1 Bab dan 7 Fasal, seperti berikut:

1. Fasal pada menyatakan segala yang wajib atasnya puasa.
2. Fasal pada menyatakan harus berbuka puasa.
3. Fasal pada menyatakan segala sunat yang dikerjakan dalam puasa.
4. Fasal pada menyatakan kaffarah jima' dalam puasa Ramadan.
5. Fasal pada menyatakan fidyah.
6. Fasal pada menyatakan puasa sunat.

Bab I: Al-Tikaf
(pada menyatakan i'tikaf)

7. Fasal pada menyatakan segala yang membatalkan i'tikaf.

Kitab Al-Hajj terdiri 2 Bab dan 15 Fasal seperti berikut:

Bab I: Al-Mawaqit
(pada menyatakan waktu berniat akan naik haji dan tempatnya).

1. Fasal pada menyatakan rukun haji dan umrah.
2. Fasal pada menyatakan ihram.
3. Fasal pada menyatakan segala yang ta'alluq dengan segala rukun haji.
4. Fasal pada menyatakan segala wajib tawaf dan sunatnya.
5. Fasal pada menyatakan sa'e.
6. Fasal pada menyatakan wuquf di Arafah.
7. Fasal pada menyatakan segala halq-bercukur.
8. Fasal pada menyatakan segala wajib haji.
9. Fasal pada menyatakan sunat bermalanan di Mina.
10. Fasal pada menyatakan tahallul pada haji.
11. Fasal pada menyatakan segala wajah mengerjakan umrah dan haji.
12. Fasal pada menyatakan dam tartib dan takdir.
13. Fasal pada menyatakan segala pekerjaan yang haram di dalam ihram.

14. Fasal pada menyatakan yang menegahkan daripada naik haji.


Bab II: Al-Udhiyyah
(pada menyatakan kurban)

15. Fasal pada menyatakan hukum aqiqah.

Kitab Al-Said wa Al-Dhaba'ih hanya terdiri dari 1 Fasal
(pada menyatakan perburuan dan menyembelih dia)


1. Fasal pada menyatakan barang yang jadi milik daripada perburuan.

Kitab Al-At'imah
(pada menyatakan hukum segala yang halal memakan dia dan yang haram).



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الحمد لله الذي هدانا لهذا هذا كنا كنا لنهتدي لهدى الله
والذي هدانا لهذا لولا هدانا الله لولنا كنا لنهتدي لهدى الله

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
كَلِمَاتُ اللَّهِ كِتَابٌ بَيِّنٌ وَظَنُّ
نَافِلَةٌ تَوْصِيَةٌ فِي أُمَّةٍ مَوْجِدَةٍ
مُهَيَّبَةٍ رَسَقَ أَعْيُنَ سَلْطَنَةِ هَيْبَةٍ
نُورٌ مَبِينٌ دَانَ كَافِرٌ دَلِمَ نَكْرَهُ وَظَنُّ
أَيْتَانِ نَاكِزَةٍ أُمَّةٍ وَفَسِيحَاتِ بَسْطِ
هَيْبَاتِ نُوْرٍ مَبِينٍ دَلِمَ نَكْرَهُ وَظَنُّ
أَيْتَانِ نَاكِزَةٍ أُمَّةٍ وَفَسِيحَاتِ بَسْطِ
هَيْبَاتِ نُوْرٍ مَبِينٍ دَلِمَ نَكْرَهُ وَظَنُّ
أَيْتَانِ نَاكِزَةٍ أُمَّةٍ وَفَسِيحَاتِ بَسْطِ
هَيْبَاتِ نُوْرٍ مَبِينٍ دَلِمَ نَكْرَهُ وَظَنُّ



(مستخرج من كتاب)

صحة المستقيم

المؤلف: الشيخ نور الدين محمد حلاوي

Handwritten text in Arabic script, likely a preface or introductory section of the manuscript.

Handwritten text in Arabic script, continuing the manuscript's content.

Handwritten text in Arabic script, forming the main body of the manuscript.



MANUSKRIP (10/10)

Sifat Al-Mustaqim

Handwritten text on the left margin, possibly a title or author information.